



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 65
No. 6

22hb Mac 2012

*TAMBAHAN No. 9
PERUNDANGAN*

Sel. P.U. 40.

AKTA JALAN, PARIT DAN BANGUNAN 1974

UNDANG-UNDANG KECIL BANGUNAN SERAGAM SELANGOR
(PINDAAN) 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 133 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [*Akta 133*], Pihak Berkuasa Negeri membuat undang-undang kecil yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Undang-Undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor (Pindaan) 2012**.

(2) Undang-Undang kecil ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan undang-undang kecil 2

2. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986 [*Sel. P.U. 26/1985*] yang disebut “Undang-Undang Kecil ibu” dalam Undang-Undang Kecil ini, dipinda dalam undang-undang kecil 2 dengan memasukkan selepas tafsiran “siling” tafsiran yang berikut:

“ “SPAH” ertinya “Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan” di mana air hujan dikumpul daripada bumbung dan kemudiannya disalurkan ke tangki-tangki penyimpanan air hujan sebelum digunakan”.

Pindaan undang-undang kecil 10

3. Undang-Undang Kecil 10 Undang-Undang Kecil ibu, dipinda dalam perenggan (1)(a) dengan memasukkan selepas perenggan (1)(a)(ix) perenggan yang berikut—

- “(x) lokasi tangki air hujan;
- (xi) Elemen SPAH seperti sistem perpaipan, tangki air hujan, pam air dan sebagainya (yang diperlukan untuk memasang SPAH) yang berkaitan perlulah ditunjukkan dengan jelas di dalam pelan bagi jenis-jenis bangunan seperti berikut:
 - (aa) berhubung dengan bangunan kediaman, SPAH perlu dipasang hanya untuk rumah, banglo dan rumah berkembar yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m² sahaja; dan
 - (bb) berhubung dengan semua kategori bangunan berasingan yang mempunyai kawasan bumbung sama atau melebihi 100 m²”.

Pindaan undang-undang kecil 25

4. Undang-Undang Kecil 25 Undang-Undang Kecil ibu, dipinda dalam perenggan (1)(c)—

- (1) dengan memasukkan selepas perkataan “elektrik” perkataan “dan komunikasi”; dan
- (2) dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan “air”.

Pindaan undang-undang kecil 27

5. Undang-Undang Kecil 27 Undang-Undang Kecil ibu dipinda dalam proviso kepada perenggan (1)—

- (1) dengan memasukkan selepas perkataan “elektrik” perkataan “dan komunikasi”; dan
- (2) dengan memotong perkataan “dan” selepas perkataan “air”.

Pindaan undang-undang kecil 115

6. Undang-Undang Kecil ibu adalah dipinda dengan menggantikan Undang-Undang Kecil 115 dengan Undang-Undang Kecil yang berikut:

“Penutup bumbung dan saliran dengan sistem pengumpulan dan penggunaan semula air hujan (SPAHE)

115. (1) Semua bumbung bangunan hendaklah dibina supaya boleh disalurkan dengan berkesan kepada saluran, talang, pelongsor atau palung dan SPAHE (bagi bangunan yang dikehendaki untuk memasang SPAHE) yang mencukupi yang hendaklah disediakan mengikut kehendak-kehendak Undang-Undang Kecil ini bagi menerima dan membawa semua air yang mungkin jatuh di atas dan daripada bumbung itu.

(2) Bagi bangunan yang dikehendaki memasang SPAH, reka bentuk dan pembinaan SPAH hendaklah mengikut keperluan seperti berikut:

- (a) air hujan tidak boleh memasuki tangki bekalan air awam. Air daripada bekalan air awam boleh memasuki tangki air hujan dengan dilengkapi dengan suatu injap penahan aliran balik sehala atau berakhir sekurang-kurangnya pada 225 mm di atas paras limpah tangki simpanan SPAH;
- (b) alur keluar SPAH hendaklah ditanda “**Bukan untuk Tujuan Minuman atau Mandian**” dengan jelas;
- (c) palong yang digunakan mempunyai kecerunan yang secukupnya supaya air tidak bertakung; dan
- (d) paip air hujan hendaklah berwarna hijau”.

Bertarikh 9 Mac 2012
[P.U. Sel. Am 0283 Jld. 4]

SULIMAN BIN ABD RAHMAN
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
KUALA LUMPUR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA